TWP Sdn Bhd lwn Chan Thim Choy dan lain-lain

MAHKAMAH (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO R3-25-46 TAHUN 1999
FAIZA TAMBY CHIK H
21 FEBRUARI 2000

Undang-Undang Buruh *— Mahkamah Perusahaan — Rujukan oleh Menteri — Pihak-pihak memasuki perjanjian penyelesaian — Sama ada Menteri bertindak melebihi bidang kuasa dalam merujuk perkara ke Mahkamah Perusahaan*

Chan kononnya meletak jawatan pada bulan September 1998 dan menerima kira-kira RM98,000 sebagai 'penyelesaian penuh dan muktamad' ke atas tuntutannya terhadap syarikat tersebut. Setelah mengubah fikirannya, Chan menuntut pemberhentian oleh syarikat tersebut dan membuat representasi kepada Jabatan Perhubungan Perindustrian ('JPP'). Pihak-pihak tersebut telah mencapai penyelesaian dan bersetuju bahawa Chan akan dikembalikan jawatannya. Syarikat tersebut kemudiannya mengatakan beberapa rungutan terhadap prestasi Chan selepas itu dan beliau telah digantung kerja atas gaji penuh pada 14 November 1998. Chan menulis kepada JPP pada 18 November untuk membuka semula perkara ini. Beliau mengatakan bahawa syarikat tersebut memungkiri penyelesaian dan memberitahu syarikat tersebut bahawa beliau tidak akan melaporkan diri untuk kerja selepas itu. Syarikat tersebut menafikan bahawa ia telah memungkiri penyelesaian tersebut dan mengesahkan bahawa Chan tidak dipecat dan akan terus menerima gajinya. Syarikat tersebut telah menulis kepada Chan untuk penjelasan dan menyatakan bahawa andainya tiada penjelasan muncul, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap beliau. Syarikat tersebut kemudiannya memberhentikan perkhidmatan Chan mulai 6 Januari 1999. Chan telah menerima semua gajinya sehingga 6 Januari 1999 'di bawah bantahan' tetapi tidak membuat sebarang percubaan untuk mengembalikan wang tersebut. Syarikat tersebut diberitahu pada 15 Mac 1999 bahawa Menteri telah membuat keputusan untuk merujuk pemecatan Chan pada bulan September kepada Mahkamah Perusahaan. Syarikat tersebut memohon supaya rujukan dibatalkan dan untuk menahan Mahkamah Perusahaan daripada terus mendengar kes Chan.

Diputuskan, membenarkan permohonan tersebut:

(1) Relief pengembalian jawatan tidak lagi relevan di mana syarikat tersebut membuat tawaran untuk mengembalikan jawatan dan pekerja gagal menerima tawaran sedemikian. Menteri tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat rujukan setelah pihak-pihak mengikat persetujuan penyelesaian (lihat ms 274E–G).

(2) Ia tidak dinafikan bahawa syarikat tersebut telah bersetuju untuk mengembalikan jawatan Chan selaras dengan persetujuan

tersebut dan memang telah mengembalikan jawatan beliau dan Chan telah menerima gajinya sehingga 6 Januari 1999 (lihat ms 274H–I).

(3) Surat yang merujuk pertikaian tersebut kepada Mahkamah Perusahaan merujuk kepada pemecatan Chan pada bulan September secara khusus. Justeru itu, Mahkamah Perusahaan cuma boleh mendengar keterangan ke atas peristiwa yang berlaku sehingga September. Isu mengenai sama ada Chan telah diberhentikan secara konstruktif adalah pertimbangan yang tidak relevan (lihat ms 275A–C).

(4) Menteri tersebut jelas telah bertindak melampaui bidang kuasa apabila beliau membuat rujukan itu kerana beliau menganggap bahawa Chan telah diberhentikan secara konstruktif pada bulan September walhal Chan terus digaji oleh syarikat tersebut sehingga perkhidmatannya diberhentikan pada bulan Januari (lihat ms 276F–G).

[English summary

The first respondent ('Chan') was Operations Manager of a factory for the applicant ('the company'). Chan allegedly resigned from his position in September 1998 and received some RM98,000 'in full and final settlement' of his claims against the company. Having apparently changed his mind, Chan claimed dismissal by the company and made representations to the Industrial Relations Department ('IRD'). The parties came to a settlement and agreed that Chan would be reinstated. The company then alleged several grievances against Chan's subsequent performance and he was suspended on full pay on 14 November 1998. Chan wrote to the IRD on 18 November to reopen his matter. He alleged that the company was in breach of the settlement and informed the company that he would not be reporting for work thereafter. The company denied that it was in breach of the settlement and reaffirmed that Chan had not been dismissed and would continue to receive his salary. The company wrote to Chan for clarification and stated that if no clarification was forthcoming, the appropriate action would be taken against him. The company then terminated Chan's services with effect from 6 January 1999. Chan received all his salary up to 6 January 1999 'under protest' but made no attempt to return the money. The company was informed on 15 March 1999 that the Minister had made a decision to refer Chan's dismissal in September to the Industrial Court. The company applied to quash the reference and to restrain the Industrial Court from proceeding to hear Chan's case.

Held, allowing the application:

(1) The relief of reinstatement was no longer relevant where the company had offered to reinstate and the employee had failed to

A accept such offer. The Minister had no jurisdiction to make a reference upon the parties entering into the settlement agreement (see p 274E–G).

(2) It was not denied that the company had agreed to reinstate Chan in line with the agreement and had in fact reinstated him and Chan had received his salary up to 6 January 1999 (see p 274H–I).

(3) The letter referring the dispute to the Industrial Court specifically referred to Chan's dismissal in September. Thus the Industrial Court could only hear evidence of events which occurred up to September. The issue of whether Chan had been constructively dismissed was an irrelevant consideration (see p 275A–C).

(4) The Minister clearly acted in excess of jurisdiction when he made the reference as he had considered that Chan had been constructively dismissed in September whereas Chan had continued to be employed by the company until he was dismissed in January (see p 276F–G).]

Nota-nota

Untuk kes-kes Mahkamah Perusahaan, lihat 8 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1999 Reissue) perenggan-perenggan 1029–1128.

Kes-kes yang dirujuk

Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan and another appeal [1996] 1 MLJ 481 (dirujuk)

Kathiravelu Ganesan & Anor v Kojasa Holdings Bhd [1997] 2 MLJ 685 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ss 20(3)

Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 1(2)

Vijayan Venugopal (*Shearn Delamore & Co*) bagi pihak pemohon.

LG Seah (*Lobo & Associates*) bagi pihak responden pertama.

Ahmad Kamal Md Shahid (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak responden kedua.

Faiza Tamby Chik H: Ini adalah suatu permohonan oleh pemohon melalui suatu notis usul pemula bertarikh 14 Julai 1999 (lampiran 5) untuk perintah certiorari bagi tujuan membatalkan keputusan responden kedua untuk merujuk pembuangan kerja responden pertama kepada responden ketiga dan untuk perintah larangan diarahkan kepada responden ketiga melarangnya dari meneruskan pendengaran kes pembuangan kerja responden pertama. Permohonan ini disokong oleh suatu pernyataan Menurut A 53 k 1(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bertarikh 23 April 1999 (lampiran 2) dan Afidavit Mohammed Kalam Azad bin

Mohammed Taib yang diikrarkan pada 23 April 1999 (lampiran 3). Selain dari lampiran 3, ada tiga lagi afidavit yang difailkan oleh pihak-pihak: A

(i) afidavit jawapan diikrarkan oleh responden kedua pada 19 Ogos 1999 (lampiran 12);

(ii) afidavit jawapan diikrarkan oleh responden pertama pada 25 Ogos 1999; dan B

(iii) afidavit tambahan Mohammed Kalam Azad bin Mohammed Taib diikrarkan pada 4 Oktober 1999 (lampiran 9).

Fakta telah dinyatakan dengan sepenuhnya pada perenggan 3 hingga 30 dalam lampiran 3. Responden pertama memberi versi beliau tentang fakta-fakta kes dan ini dinyatakan di perenggan 4 hingga 38 dalam lampiran 13. Pemohon telah menjawab kepada versi fakta-fakta kes yang diberi oleh responden pertama dan jawapan pemohon terkandung pada perenggan 4 hingga 27 dalam lampiran 9. Responden pertama dan responden kedua gagal untuk memberi apa-apa jawapan kepada fakta-fakta kes yang telah dinyatakan oleh pemohon dalam lampiran 9. Responden ketiga tidak memfailkan apa-apa suratcara (sama ada afidavit jawapan ataupun penghujahan bertulis) dalam tindakan ini. C D

Fakta kes secara ringkasnya adalah pada masa yang berkenaan, responden pertama telah memegang jawatan sebagai pengurus operasi di kilang pemohon. Selaras dengan satu perbincangan yang diadakan pada 4 September 1998, responden pertama mengambil keputusan untuk meletak jawatan sebagai pengurus operasi dan ini dibuktikan oleh surat perletakan jawatan daripada responden pertama bertarikh 4 September 1998 (eksh MKA-2 dalam lampiran 3). Responden pertama juga telah mengambil jumlah wang RM98,266.86 sebagai penyelesaian penuh mengenai semua tuntutan beliau terhadap pemohon dan menandatangani suatu dokumen bertarikh 9 September 1998 mengesahkan bahawa penyelesaian itu merupakan 'full and final settlement' dan juga mengesahkan pengiraan semua jumlah wang adalah betul (eksh MKA-3 dalam lampiran 3). Responden pertama kemudian telah mengubah fikirannya dan menulis sepucuk surat bertarikh 11 September 1998 yang menuntut bahawa perkhidmatan beliau telah ditamatkan oleh pihak pemohon (eksh MKA-4 dalam lampiran 3). Ini merupakan kali pertama responden pertama menyatakan bahawa perletakan jawatan beliau bukan secara sukarela. Pemohon, melalui peguamcaranya telah menjawab surat tersebut pada 18 September 1998 (eksh MKA-5 dalam lampiran 3) untuk menafikan dakwaan responden pertama. Responden pertama seterusnya menulis sepucuk surat bertarikh 25 September 1998 (eksh MKA-6' dalam lampiran 3) menyatakan beliau telah mengambil tindakan undang-undang dan tidak akan menjawab apa-apa surat lagi. E F G H

Responden pertama telah membuat satu representasi kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan pada 29 September 1998. Pada permulaan perbincangan di hadapan Jabatan Perhubungan Perusahaan, responden pertama tidak mahu diambil balik kerja tetapi telah mengubah fikirannya apabila dijelaskan bahawa jika responden pertama tidak ingin diambil balik I

A kerja, Jabatan Perhubungan Perusahaan tidak ada bidangkuasa untuk mendengar representasi beliau (rujuk perenggan 8 dalam lampiran 9 yang mana tidak dinafikan oleh responden pertama). Selepas beberapa perundingan (tarikh-tarikh perundingan-perundingan tersebut dinyatakan pada perenggan 9 dalam lampiran 13), kedua-dua pihak telah dapat mencapai satu persetujuan dalam bentuk bertulis untuk menyelesaikan B perkara itu (eksh MKA-8 dalam lampiran 3). Persetujuan itu ditandatangani oleh representasi pemohon dan juga responden pertama di hadapan En Mohd Zain bin Naim, iaitu Ketua Penolong, Pengarah Perhubungan Perusahaan, Johor Bahru. Persetujuan tersebut menyatakan, antara lain, seperti berikut:

C

> iv Dengan persetujuan ini kedua-dua pihak menganggap persoalan tentang isu penamatan perkhidmatan perayu oleh majikan dan/atau perletakan jawatan oleh perayu berkuatkuasa pada 9 September 1998 adalah seolah-olah tidak wujud dan tidak berbangkit.

(Sila rujuk ekhs MKA-8 pada ms 21 dalam lampiran 3.)

D Pemohon selanjutnya telah mendapati bahawa ada beberapa perselisihan dalam pekerjaan responden pertama dan kerananya beliau telah digantung kerja dengan penuh gaji berkuatkuasa dan 14 November 1998. Perselisihan tersebut hanya diketahui oleh pemohon pada bulan November 1998 dan tiada bersangkut paut dengan representasi responden E pertama untuk diambil balik kerja pada bulan September 1998 (rujuk perenggan 17 dalam lampiran 9 yang mana tidak dinafikan oleh responden pertama). Responden pertama tidak membuat apa-apa bantahan pada 14 November 1998 apabila beliau digantung kerja oleh pemohon. Responden pertama hanya menulis kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan pada 18 November 1998 (eksh TC-2 dalam lampiran 13) dan F memohon supaya kes beliau dibuka semula. Responden pertama hanya menulis kepada Pemohon pada 27 November 1998 (ekh MKA-12 dalam lampiran 3) dan menyatakan bahawa pemohon telah memungkiri Persetujuan dicapai di hadapan Jabatan Perhubungan Perusahaan dan memaklumkan beliau tidak akan melapurkan diri untuk bekerja selepas itu. Pemohon telah memberi jawapan kepada responden pertama melalui surat G bertarikh 1 Disember 1998 (eksh MKA-13 dalam lampiran 3) dan menafikan bahawa ia memungkiri persejutuan yang dicapai di hadapan Jabatan Perhubungan Perusahaan. Pemohon juga telah mengulangi bahawa perkhidmatan responden pertama tidak ditamatkan dan beliau akan terus menerima gaji selama tempoh yang berkenaan. Pemohon juga menulis kepada responden pertama pada 1 Disember 1998 (eksh MKA-14 dalam H lampiran 3) dan meminta beliau memberi penjelasan mengenai perselisihan dalam pekerjaannya. Responden pertama juga diberitahu bahawa sekiranya beliau gagal memberi penjelasan dalam jangkamasa yang ditetapkan, ianya akan dianggap sebagai beliau tidak ada apa-apa penjelasan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap responden pertama.

I Pemohon juga menulis sepucuk surat kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan bertarikh 8 Disember 1998 (eksh MKA-18 dalam lamprian 3) dan menerangkan bahawa permintaan penjelasan dari responden pertama

itu adalah atas perkara yang berlaku selepas situasi yang bersabit dengan perbincangan di Jabatan Perhubungan Perusahaan dan tiada bersangkut paut dengan perkara tersebut. Responden pertama telah pergi ke Jabatan Perhubungan Perusahaan pada 7 Disember 1998 untuk mendapat nasihat tentang tindakan terbaru pemohon dan mengakui beliau telah dinasihatkan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan bahawa 'kes ini sepatutnya dibawa sebagai 'satu kes baru' iaitu kes pembuangan kerja secara konstruktif' (rujuk pada perenggan 26 dalam lampiran 13). Responden pertama telah menulis kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan pada 9 Disember 1998 (eksh MKA-19 dalam lampiran 3/eksh 'LAL-6' dalam lampiran 12) dengan menyatakan bahawa beliau tidak setuju dengan pendapat Jabatan Perhubungan Perusahaan bahawa beliau ditamatkan secara konstruktif oleh Pemohon. Jabatan Perhubungan Perusahaan menjawab surat tersebut pada 14 Disember 1998 (eksh MKA-20 dalam lampiran 3) dengan menafikan bahawa ia telah membuat keputusan yang sama ada kes ini merupakan suatu kes penamatan secara konstruktif atau tidak. Jabatan Perhubungan Perusahaan juga menerangkan bahawa pengertian yang sewajarnya adalah sekiranya responden pertama memutuskan untuk memfailkan semula representasi di bawah s 20(3) Akta Perhubungan Perusahan 1967 ('Akta tersebut') dalam keadaan ketiadaan surat penamatan perkhidmatan, maka alasan 'constructive dismissal' tersebut akan digunakan oleh responden pertama. Memandangkan bahawa responden pertama gagal memberi penjelasan kepada Pemohon sepertimana diminta kerap kali (rujuk kepada ekshibit-ekshibit MKA-13, MKA-14 dan MKA-16 dalam lampiran 3), pemohon tidak ada pilihan melainkan mengadakan suatu siasatan dalaman dan responden pertama telah dimaklumkan mengenai perkara itu. Siasatan dalaman telah dijalankan seperti dijadualkan dan setelah mempertimbangkan semua keterangan dan dokumen, responden pertama didapati bersalah terhadap tuduhan-tuduhan berkenaan. Memandangkan bahawa tuduhan-tuduhan tersebut adalah berat dan responden pertama memegang jawatan penting, pemohon tidak lagi boleh menaruh kepercayaan kepada beliau untuk menjalankan tugas. Dalam keadaan sedemikian, perkhidmatan responden pertama ditamatkan pada 6 Januari 1999. Responden pertama telah menerima semua gaji beliau dari 9 September 1998 (tarikh mulai beliau telah diambil balik kerja) hingga 6 Januari 1999 (tarikh perkhidmatan beliau telah ditamatkan) dan ini disokong oleh keterangan dokumen-dokumen (lihat eksh MKA-30' dalam lampiran 3). Responden pertama menegaskan bahawa beliau menerima gaji tersebut dengan bantahan (sila rujuk perenggan 36 dalam lampiran 13) tetapi sehingga hari ini, responden pertama tidak membuat apa-apa percubaan untuk memulangkan jumlah gaji tersebut kepada pemohon (rujuk perenggan 25 dalam lampiran 9 yang mana tidak dinafikan oleh responden pertama). Pemohon selanjutnya diberitahu melalui surat bertarikh 15 Mac 1999 (eksh MKA-29 dalam lampiran 3) bahawa responden kedua telah mengambil keputusan untuk merujuk perkara itu kepada responden ketiga di bawah s 20(3) Akta tersebut. Rujukan tersebut telah didaftarkan oleh responden ketiga sebagai Kes Mahkamah Perusahaan No 4/4-159/99. Rujukan yang dibuat oleh responden kedua

A B C D E F G H I

dalam perkara itu adalah mengenai pemberhentian perkhidmatan responden pertama disebut pada 9 September 1998 (lihat eksh MKA-29 dalam lampiran 3) tetapi responden pertama masih merupakan seorang pekerja pemohon selepas tarikh itu kerana perkhidmatan beliau hanya ditamatkan oleh pemohon pada 6 Januari 1999.

Dapat diperhatikan bahawa afidavit jawapan Chan Thim Choy (lampiran 13) diikrarkan pada 25 Ogos 1999 dan afidavit jawapan Dato' Lim Ah Lek (lampiran 12) diikrarkan pada 19 Ogos 1999. Kedua-dua afidavit ini difailkan sebelum afidavit tambahan Mohammed Kalam Azad bin Mohammed Taib (lampiran 9) yang telah diikrarkan pada 4 Oktober 1999. Kerananya responden pertama dan responden kedua gagal untuk memberi apa-apa jawapan kepada fakta-fakta kes yang dinyatakan oleh pemohon dalam afidavit tambahan Mohammed Kalam Azad bin Mohammed Taib (lampiran 9).

Dapat diperhatikan lagi bahawa responden pertama telah menafikan bahawa beliau ada menerima wang sebanyak RM98,266.86 sebagai penyelesaian penuh ('full and final settlement') terhadap semua tuntutan beliau. Akan tetapi terdapat keterangan dokumen yang ditandatangani oleh responden pertama sendiri yang menyatakan, antara lain, seperti berikut:

> I, Chan Thim Choy, I/C No 8389027 hereby confirm the receipt (as attached) of all monies due to me by the company. This is in full and final settlement.
>
> (lihat eksh MKA-3 pada ms 13 dalam lampiran 3).

Dan lagi pada 9 September 1998, responden pertama telah menandatangani dokumen yang mengesahkan bahawa beliau mengambil wang sebanyak RM98,266.86 sebagai penyelesaian penuh mengenai semua tuntutan beliau terhadap pemohon. Pemohon selanjutnya mengesahkan bahawa penyelesaian itu merupakan 'full and final settlement' dan juga mengesahkan bahawa pengiraan jumlah tersebut adalah betul (lihat eksh MKA-3 pada ms 13 dan 14 dalam lampiran 3). Peguam bagi responden pertama selanjutnya berhujah bahawa pemohon dan responden pertama hanya telah menandatangani persetujuan bertulis di hadapan Jabatan Perhubungan Perusahaan (eksh MKA-8 dalam lampiran 3) pada 13 November 1998, tetapi ini adalah kerana responden pertama telah mengambil cuti tahunan selama lima hari dari 9 hingga 13 November 1998 (lihat eksh MKA-9 pada ms 23 dalam lampiran 3). Fakta responden pertama telah mengambil cuti tahunan dari 9 November hingga 13 November 1998 juga menunjukkan dengan jelas bahawa responden pertama masih merupakan seorang pekerja pemohon pada tarikh-tarikh tersebut, walau bagaimanapun surat rujukan dari responden kedua (eksh MKA-29 dalam lampiran 3) menyatakan dengan nyata rujukan oleh responden kedua dalam kes ini adalah mengenai pembuangan kerja responden pertama pada 9 September 1998.

Undang-undang tentang 'judicial review' telah diringkaskan dengan tepatnya oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers Union* [1995] 2 MLJ 317, di mana telah dinyatakan:

> In my judgment, the true principle may be stated as follows. An inferior tribunal or other decision-making authority, whether exercising a quasi-judicial function or purely an administrative function has no jurisdiction to commit an error of law. Henceforth, it is no longer of concern whether the error of law is jurisdictional or not. If an inferior tribunal or other public decision-maker does make such an error, then he exceeds his jurisdiction. So, too, is jurisdiction exceeded where resort is had to an unfair procedure (see *Raja Abdul Malek v Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis* [1994] 1 MLJ. 308), or where the decision reached is unreasonable, in the sense that no reasonable tribunal similarly circumstanced would have arrived at the impugned decision.
>
> It is neither feasible nor desirable to attempt an exhaustive definition of what amounts to an error of law for the categories of such an error are not closed. But it may be safely said that an error of law would be disclosed if the decision-maker asks himself the wrong question or takes into account irrelevant considerations or omits to take into account relevant considerations (what may be conveniently termed an '*Anisminic*' error) or if he miscontrues the terms of any relevant statute, or misapplies or misconstrues a principle of the general law.
>
> Since an inferior tribunal has no jurisdiction to make an error of law, its decisions will not be immunized from judicial review by an ouster clause however widely drafted.

Kes ini telah dirujuk kepada responden ketiga oleh responden kedua selaras dengan peruntukan s 20(3) Akta tersebut. Adalah dihujahkan bahawa relief di bawah s 20(3) Akta tersebut adalah untuk perlantikan semula kerja ('reinstatement') dan setelah pemohon menawar perlantikan semula kerja kepada responden pertama dan beliau gagal untuk menerimanya, responden kedua tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat rujukan di bawah s 20(3) Akta tersebut lagi. Memandangkan bahawa persetujuan bertulis bertarikh 7 November 1998 telah ditandatangani oleh semua pihak di hadapan Jabatan Perhubungan Perusahaan (eksh MKA-8 dalam lampiran 3), adalah dihujahkan bahawa peruntukan-peruntukan s 20(2) dan (3) tidak terpakai dalam kes ini dan responden kedua tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat sebarang rujukan kepada responden ketiga di bawah s 20(3) Akta tersebut. Hujah tersebut disokong oleh peruntukan s 20(1) Akta tersebut yang menyatakan seperti berikut:

> Where a workman, irrespective of whether he is a member of a trade union of workmen or otherwise, considers that he has been dismissed without just cause or excuse by his employer, he may make representations in writing to the Director-General to be reinstated in his former employment: the representations may be filed at the office of the Director General nearest to the place of employment from which the workman was dismissed.

Adalah tidak dinafikan bahawa pemohon telah bersetuju untuk melantik semula ('reinstate') responden pertama selaras dengan persetujuan bertulis bertarikh 7 November 1998 yang ditandatangani oleh semua pihak di hadapan Jabatan perhubungan perusahaan ('persetujuan tersebut'). Ia juga tidak dinafikan bahawa responden pertama telah dilantik semula kerja berkuatkuasa pada 14 November 1998 dan beliau telah menerima sepenuhnya tunggakan gaji. Responden pertama telah berhujah bahawa

perlantikan semula kerja beliau oleh Pemohon adalah tidak jujur dan ikhlas (sila rujuk kepada perenggan 38 dalam lampiran 12) dan itu merupakan satu isu yang dipertikaikan. Sepertimana yang dikatakan, isu perlantikan semula kerja responden pertama itu hanya timbul selepas 14 November 1998 (iaitu tarikh responden pertama melaporkan diri untuk bekerja semula dengan pemohon selaras dengan persetujuan tersebut). Surat rujukan dari responden kedua (eksh MKA-29 dalam lampiran 3) menyatakan dengan nyata bahawa rujukan oleh responden kedua adalah mengenai pembuangan kerja responden pertama pada 9 September 1998. Dalam keadaan sedemikian, saya berpendapat responden ketiga hanya boleh mendengar keterangan tentang perkara-perkara yang berlaku sehingga 9 September 1998 dan tidak boleh mendengar apa-apa keterangan tentang perkara-perkara yang berlaku selepas tarikh tersebut bagi memutuskan kes Mahkamah Perusahaan No 4/4–159/99. Tambahan pula, isu sama ada responden pertama ditamatkan kerja secara konstruktif merupakan satu perkara yang tidak relevan yang telah diambil kira oleh responden kedua dalam membuat keputusannya untuk merujukkan kes ini kepada responden ketiga kerana perkhidmatan responden pertama ditamatkan secara khusus pada 6 Januari 1999 (rujuk kepada eksh MKA-24 dalam lampiran 3) dan beliau menerima gaji penuh sehingga tarikh tersebut.

Dalam penghujahan bertulis responden pertama bertarikh 5 Januari 2000 dan juga dalam penghujahan bertulis responden kedua bertarikh 8 Oktober 1999, autoriti terpenting yang dirujuk adalah keputusan Mahkamah Rayuan dalam *Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan and another appeal* [1996] 1 MLJ 481. Dalam kes Mahkamah Rayuan *Hong Leong Equipment Sdn Bhd* ini pada ms 513–514 mahkamah menyatakan:

> Take the case of a workman who has admitted the commission of serious misconduct such as an assault upon his employer or a fellow employee, or to theft of his employer's property; or where, for example, the employer, after dismissing the workman, repents and reinstates, or offers to reinstate him in his former employment without loss of any benefits or privileges. In all these examples, the minister may well be within the purview of the section in declining a reference. In the last example, there is simply nothing to refer because of the reinstatement or the offer thereof. If in such a case, the minister does decide to refer, then the exercise of his discretion may be quashed in certiorari proceedings as being obviously unreasonable. Reinstatement is the primary remedy in industrial law, and an acceptance of it or an unreasonable rejection of it by the workman must be treated as having put an end to the dispute.

Saya berpendapat berasaskan fakta kes ini pemohon tidak ada sebarang pilihan melainkan untuk memohon kepada mahkamah untuk perintah certiorari bagi tujuan membatalkan keputusan responden kedua untuk merujuk pembuangan kerja responden pertama kepada responden ketiga dan untuk perintah larangan diarahkan kepada responden ketiga melarangnya dari meneruskan pendengaran kes pembuangan kerja responden pertama (sepertimana dipohon di lampiran 5). Walaupun rujukan yang telah dibuat oleh responden kedua kepada responden ketiga

(mengenai pembuangan kerja responden pertama yang dinyatakan pada 9 September 1998) adalah salah dari segi undang-undang, pemohon bersendirian tidak berdaya membuat bantahan awal di hadapan responden ketiga. Dalam kes Mahkamah Agong *Kathiravelu Ganesan & Anor v Kojasa Holdings Bhd* [1997] 2 MLJ 685 pada ms 697 Gopal Sri Ram JCA menyatakan:

> The essense of his Lordship Mohd Azmi J's decision, which was affirmed by the Federal Court and with which we express our unqualified agreement, is that the threshold jurisdiction of the Industrial Court may be only questioned by challenging the minister's reference. It follows that a party to a dispute who wishes to contend that the Industrial Court does not have jurisdiction to enter upon the inquiry, eg because the dispute is extra-territorial in nature, must do so by seeking to quash the minister's reference, and in the same application ask for an order of prohibition against that court. In other words, the threshold jurisdiction of the Industrial Court cannot be challenged without joining the minister and seeking relief against him.
>
> We are of the view that, having regard to the general scheme of the Act, Parliament did not intend a threshold jurisdiction challenge before the Industrial Court by way of a preliminary objection, for the legislature's paramount concern in passing the Act was to ensure speedy disposal of industrial disputes. And permitting preliminary objections to the threshold jurisdiction being taken will only delay industrial adjudication.

Pada akhirnya dapat diperhatikan bahawa apabila responden kedua membuat rujukan kepada responden ketiga di bawah s 20(3) Akta tersebut, beliau telah bertindak melampaui bidang kuasa apabila:

(a) Beliau gagal mengambil kira perkara-perkara yang relevan seperti fakta bahawa representasi responden pertama yang dibuat pada 29 September 1998 telah diselesaikan di hadapan Jabatan Perhubungan Perusahaan pada 7 November 1998:

(b) Beliau mengambil kira perkara-perkara yang tidak relevan seperti isu sama ada responden pertama ditamatkan secara konstruktif pada 9 September 1998 walaupun beliau terus bekerja dengar pemohon dan hanya diberhentikan pada 6 Januari 1998;

(c) Beliau salah tafsir dan menyalahgunakan peruntukan s 20(3) Akta tersebut;

(d) Beliau telah mencapai satu keputusan yang begitu 'perverse' dan tidak mempunyai justifikasi yang boleh dipercayai sehinggakan tiada orang atau tribunal dalam keadaan sedemikian boleh mencapai keputusan sebegitu;

(e) Beliau telah membuat keputusan yang bertentangan dengan skim am, polisi dan objek Akta tersebut; dan

(f) Beliau gagal menghargai bahawa responden pertama telahpun diambil balik kerja oleh pemohon selepas membuat representasi kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan mengenai pembuangan kerjanya.

Atas alasan itu responden kedua tidak mempunyai bidang kuasa untuk merujukkan representasi responden pertama kepada responden ketiga dan

selanjutnya responden ketiga tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes Mahkamah Perusahaan No 4/4-159/99. Perintah seperti dipohon dalam lampiran 5 no (i), (ii) dan (iv).

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Andrew Christopher Simon